

GEONITE 2009

Oleh PROF. MADYA DR BABA MUSTA

Kelab Geologi SST telah mengadakan majlis makan malam untuk meraikan pelajar-pelajar tahun akhir yang bakal bergraduasi pada tahun 2009. Program ini telah diadakan pada 15 Mac 2009 di Dewan SESB, Karamunsing, Kota Kinabalu. Pengerusi pada tahun ini diamanahkan kepada Sdr Edwin James, iaitu pelajar tahun 2 Program Geologi. Acara tahunan ini telah dihadiri oleh hampir kesemua pensyarah-pensyarah geologi iaitu Prof. Dr Sanudin Hj. Tahir, Prof. Dr Felix Tongkul, P.M Dr Shariff Abd. K Omang, Prof. Madya Dr Baba Musta, En. Ismail Abd. Rahim dan En. Junaidi Asis. Selain daripada pelajar yang diraikan pelajar tahun 2 selaku AJK Induk, pelajar tahun pertama dan pelajar pasca siswazah juga menghadiri majlis ini. Beberapa acara pop kuiz, acara kuiz roda impian, acara mencari queen dan king serta tarian tradisional ditonjolkan dalam majlis ini. Walaupun tidak semua pelajar yang diraihkan hadir namun program ini berjaya mencapai objektif untuk memberi penghormatan dan ucapan selamat menempuh alam pekerjaan kepada bakal graduan, disamping mempereratkan hubungan baik dan mewujudkan kerjasama sesama pelajar-pelajar dalam program geologi.

